

21/09/1997

Kedudukan Darurat Jerebu di Sarawak dibincang esok

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengarah Gerakan Negara, akan membincangkan Isnin ini sama ada keadaan Darurat Jerebu di Sarawak akan diteruskan.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, berkata Dr Mahathir akan mengadakan mesyuarat dengan beberapa menteri yang berkaitan mengenai perkara itu.

"Saya serahkan kepada Pengarah Gerakan Negara untuk menarik balik atau tidak," katanya dalam sidang akhbar di sini, semalam.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara, berkata demikian ketika diminta mengulas tahap bacaan indeks pencemaran udara di Kuching yang dilaporkan semakin menurun.

Mohamed berkata, pada masa ini darurat yang diisytiharkan semalam masih berkuatkuasa.

Beliau menjelaskan walaupun berlaku penurunan dalam bacaan di Kuching semalam, pemerhatian lanjut masih perlu dijalankan bagi mengenal pasti sama ada ia akan stabil.

"Kita perlu lihat sekurang-kurangnya dalam tempoh 72 jam sama ada ia akan stabil," katanya.

(END)